

BIMB INVESTMENT BUKA PELUANG PERTUMBUHAN SYARIKAT BERMODAL KECIL DI MALAYSIA

Strategi patuh Syariah yang diurus secara aktif, berfokuskan peningkatan modal jangka sederhana hingga panjang

KUALA LUMPUR, Isnin, [8 Jun 2026]: BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment), anak syarikat Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan), memperkenalkan BIMB Opportunities Fund (BOF atau Dana), satu strategi patuh Syariah yang direka untuk membuka potensi pertumbuhan syarikat bermodal kecil (*small-cap*) dan menjana peningkatan modal jangka sederhana hingga panjang.

BOF merupakan penambahbaikan penting kepada rangkaian penawaran BIMB Investment. Dana ini akan melabur minimum 70% daripada nilai aset bersihnya dalam sekuriti ekuiti patuh Syariah dan/atau sekuriti berkaitan ekuiti serta sekurang-kurangnya 1% daripada nilai aset bersih yang dimiliki dalam bentuk tunai dan deposit Islam.

Majlis pelancaran Dana tersebut dihadiri oleh Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Institusi Bank Islam, Sharifah Sarah Syed Mohamed Tahir; Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram dan Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Investment, Amran Zaki Mohd Nasir.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Institusi Bank Islam, Sharifah Sarah berkata, pelancaran ini mengukuhkan komitmen Kumpulan dalam menyediakan peluang penciptaan kekayaan yang mampan serta memperkukuhkan penawaran pelaburan runcit menerusi penyelesaian yang berbeza dan berteraskan nilai kepada para pelabur.

“Dalam persekitaran pasaran yang tidak menentu ketika ini, Bank Islam melihat kepentingan yang semakin meningkat untuk mempelbagaikan pelaburan yang melangkaui instrumen tradisional. Ekuiti syarikat bermodal kecil menawarkan akses kepada peluang pertumbuhan baharu yang sering kurang diberi perhatian, di samping meningkatkan daya tahan portfolio menerusi pemacu prestasi yang berbeza.

“BOF mencerminkan komitmen Bank Islam dalam menyediakan penyelesaian patuh Syariah yang pelbagai dan mengimbangi potensi pertumbuhan dengan pengurusan risiko yang berhemat, sekali gus membolehkan pelabur membina nilai jangka panjang yang mampan,” katanya.

Sharifah Sarah menjelaskan bahawa BOF menggunakan strategi pelaburan yang diurus secara aktif dengan mengintegrasikan pendekatan atas ke bawah (*top-down*) dan bawah ke atas (*bottom-up*). Pada peringkat makroekonomi, Dana ini menilai petunjuk ekonomi utama seperti pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), kadar faedah, inflasi, pergerakan mata wang dan dasar kerajaan di Malaysia serta pasaran global utama.

“Pada peringkat mikroekonomi pula, Dana ini memberi tumpuan kepada syarikat bermodal kecil, khususnya perniagaan sedang berkembang dan mempunyai potensi pertumbuhan kukuh, model perniagaan berskala serta pihak pengurusan yang aktif walaupun mungkin mempunyai rekod prestasi atau liputan penganalisis terhad. Semua pelaburan dilaksanakan dengan mematuhi prinsip Syariah yang ketat,” tambah beliau.

BOF ditawarkan dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) dengan pelaburan permulaan minimum sebanyak RM500, menjadikannya mudah diakses oleh segenap segmen pelabur. Pelaburan tambahan bermula daripada RM200. Dana yang bersifat terbuka (*open-ended*) ini membolehkan pelabur membuat pelaburan mereka pada bila-bila masa.

Pengurusan Kekayaan Bank Islam terus memainkan peranan penting dalam memacu strategi pertumbuhan Bank Islam. Dana ini boleh diakses melalui Pengurus Perhubungan di semua cawangan Bank Islam di seluruh negara, dengan khidmat nasihat dan sokongan khusus disediakan untuk pelabur.

Sehingga kini, BIMB Investment menguruskan 17 dana pelaburan, termasuk mandat persendirian. Dana-dana tersebut turut merangkumi tujuh dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) patuh Syariah dengan jumlah aset di bawah pengurusan (AUM) bernilai kira-kira RM1.7 bilion setakat 30 April 2026.

Pelabur yang berminat untuk melanggan BOF boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Islam di talian 03-2690 0900, menghantar e-mel kepada contactcenter@bankislam.com.my atau mengunjungi mana-mana cawangan Bank Islam terdekat. Harga harian dan maklumat lanjut berkenaan Dana ini boleh didapati di laman web BIMB Investment di www.bimbinvestment.com.my.

Kenyataan:

Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus BIMB Opportunities Fund bertarikh 11 Mei 2026, atau tambahannya (jika ada), dan Halaman Serlahan Produk (PHS) sebelum melabur, yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya. PHS adalah tersedia dan pelabur mempunyai hak untuk meminta PHS. Salinan Prospektus atau tambahannya (jika ada) dan PHS boleh diperolehi di ibu pejabat BIMB Investment Management Berhad, laman web www.bimbinvestment.com.my, perunding unit amanah dan pendedar yang diluluskan dan/atau mana-mana cawangan Bank Islam. PHS dan mana-mana dokumen pendedahan produk lain perlu dibaca dan difahami sebelum membuat keputusan untuk memulakan pelaburan. Kebenaran SC atau pendaftaran Prospektus atau tambahannya (jika ada) dan PHS tidak boleh diambil kira bahawa SC telah mengesyorkan Dana tersebut. Terdapat yuran, caj, dan kos yang dikenakan dan pelabur dinasihatkan untuk membandingkan dan mempertimbangkannya sebelum melabur di dalam Dana. Pelaburan di dalam Dana ini terdedah kepada risiko, sila rujuk Prospektus atau tambahannya (jika ada) dan PHS untuk maklumat terperinci. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko di dalam Dana dan membuat penilaian risiko sendiri serta mendapatkan nasihat profesional, jika perlu, sebelum melabur. Pelabur juga perlu mengambil perhatian bahawa harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, boleh turun dan naik, dan prestasi masa lalu Dana tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasi masa hadapan. Sebarang penerbitan unit yang berkaitan dengan Prospektus atau tambahannya (jika ada) dan PHS hanya akan dilakukan setelah penerimaan borang permohonan lengkap yang dilampirkan bersama Prospektus atau tambahannya (jika ada) dan PHS, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalamnya. Di mana pengagihan diisytiharkan, dan selepas isu pengagihan, NAB setiap unit akan dikurangkan dari NAB bersama pengagihan ke NAB tanpa pengagihan. Risalah ini tidak disemak oleh SC.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan mengikut nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my.

Mengenai BIMB Investment Management Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [199301021508 (276246-X)])

BIMB Investment adalah sebuah syarikat pengurusan dana Islam di Malaysia, berlesen dan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Sebuah anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad, BIMB Investment ditubuhkan pada 14 September 1993 dan memulakan operasinya pada 20 Jun 1994. BIMB Investment merupakan penandatanganan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (UNPRI) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Sejak tahun 2015, BIMB Investment telah menjadi perintis dalam pelaburan mampan dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam proses pelaburannya yang berpotensi untuk memberikan pulangan dengan penyesuaian risiko yang baik kepada pelabur.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bimbinvestment.com.my atau e-mel ke marketing.bimbinvest@bankislam.com.my